

25 OCT 1998

Mahathir-Jepun (Analisis Berita)

LAWATAN KE JEPUN KENA PADA MASANYA BAGI PERDANA MENTERI BERI PENJELASAN

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 25 Okt (Bernama) -- Lawatan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun yang berakhir Selasa lalu disifatkan tepat pada masanya bagi beliau untuk memberi penjelasan kepada pelabur Jepun dan asing bahawa "segala urusan di Malaysia berjalan seperti biasa" walaupun beberapa langkah ekonomi dan politik yang kontroversi dilaksanakan sejak beberapa minggu lalu.

Ini merupakan lawatan pertama beliau ke luar negara sejak dasar baru kawalan pertukaran Malaysia diumumkan pada 1 Sept dan pelucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan pada hari berikut.

Kedua-dua peristiwa itu mendapat liputan paling meluas mengenai Malaysia dalam media antarabangsa sejak Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri 17 tahun lalu.

Semasa lawatan lima hari itu, Dr Mahathir memperolehi peluang terbaik untuk memberi penjelasan dalam pelbagai temuramah dengan media, forum serta pertemuan dengan ahli perniagaan dan tokoh politik Jepun mengenai sebab dan rasional bagi mengambil langkah-langkah itu.

Permohonan diterima daripada berpuluh media Jepun untuk menemuramah Perdana Menteri termasuk temuramah eksklusif. Pada hari pertama sahaja, Kedutaan Malaysia mengusahakan temuramah dengan editor-editor kanan dari lapan pertubuhan media dalam satu sesi.

Temuramah itu diadakan dalam tempoh cuma sejam selepas Dr Mahathir tiba di Imperial Hotel di Tokyo selepas terperangkap dalam kesesakan lalulintas dalam perjalanan dari lapangan terbang Narita yang mengambil masa tija jam berbanding sejam pada kebiasaannya.

Para wartawan dan jurukamera dari Malaysia yang menunggu Perdana Menteri di hotel terkejut apabila melihat Dr Mahathir dan anggota delegasi meninggalkan lapangan terbang dengan menaiki koc pelancong dan bukan kereta limosin seperti lazimnya.

Ini sebenarnya ialah cara Khatib untuk melaksanakan langkah berjimat kerajaan Malaysia berikutan kegawatan ekonomi dan beliau juga memberitahu wartawan sehari sebelumnya bahawa bilangan kakitangan kedutaan telah dikurangkan sebanyak separuh.

Ahli perniagaan Jepun yang ditemui ingin benar memperolehi jaminan daripada Perdana Menteri bahawa pelaburan dan inisiatif bagi pelabur asing tidak terjejas berikutan langkah kawalan pertukaran dan perkembangan politik berikutan pemecatan Anwar.

" Jika anda datang ke Malaysia, anda tidak akan percaya bahawa negara menghadapi kegawatan ekonomi. Di mana-mana pun, perniagaan berjalan seperti biasa. Rakyat tidak mencari makanan dalam timbunan sampah. Perniagaan di kompleks membeli-belah dan restoran berjalan dengan baik," kata Dr Mahathir pada satu forum.

Sebagai pelaur asing yang kedua tyerbesar di Malaysia selepas Amerika Syarikat, Jepun tahu bahawa yang paling penting dalam perniagaan ialah kestabilan dan ramalan yang menurut Dr Mahathir ialah tujuan utama bagi langkah kawalan baru.

Nama Perdana Menteri memang terkenal di Jepun terutama di kalangan media sejak beliau memperkenalkan dasar "Pandang Ke Timur" pada tahun 1980-an untuk menjadi contoh bagi pembangunan malaysia serta mengamalkan etika kerjanya.

Langkah kawalan baru yang dilaksanakan membolehkan Ringgit diniagakan

pada kadar RM3.80 bagi satu dolar Amerika dan menghalangnya daripada dimanipulasi oleh peniaga matawang yang menjadi punca bagi nilainya menjunam sebanyak lebih 60 peratus sejak krisis kewangan melanda rantau itu pada Julai tahun lalu.

Dr Mahathir menjelaskan bahawa kawalan kadar pertukaran ialah berlainan daripada kawalan ke atas pengaliran modal kerana modal boleh mengalir masuk dan keluar dari Malaysia tanpa sekatan.

Mungkin selepas membaca terlalu banyak laporan oleh penganalisis asing, terdapat kebimbangan di Jepun bahawa Malaysia memencilkan dirinya daripada masyarakat antarabangsa. Tetapi Dr Mahathir segera menangkisnya dan menyifatkan ia sebagai tidak benar.

" Malaysia ialah sebuah negara perdagangan. Ia tidak boleh memencilkan diri jika ingin mengadakan perdagangan dengan negara lain," kata beliau.

Satu lagi kebimbangan ialah tentang perlunya bagi pelabur asing menukarkan keuntungan kepada mata wang asing sebelum boleh dihantar pulang memandangkan Ringgit kini tidak lagi boleh ditukar di luar negara.

Dr Mahathir bagaimanapun mengaku tentang perlunya bagi Malaysia menjimatkan pertukaran asing dengan import terbatas kepada barangan perlu sahaja dan eksport ditingkatkan.

" Malaysia mempunyai mata wang asing yang mencukupi untuk tujuan berkenaan. Dalam tempoh sebulan selepas memperkenalkan dasar baru ini, rizab negara meningkatkan sebanyak AS\$1 bilion kepada AS\$21 bilion. Eksport minyak sawit dan barangan lain juga melalui dolar Amerika. Kita mempunyai lebih dagangan yang besar," kata beliau.

Mengenai isu pemecatan Datuk Seri Anwar pula, Dr Mahathir dihujani dengan soalan-soalan yang "berat" daripada wartawan Jepun.

Menurut Duta Khatib, media di Jepun terlalu banyak bergantung kepada agensi berita barat bagi liputan kes Anwar dan hanya sebilangan kecil mempunyai wartawan yang ditempatkan di Singapura.

Soalan-soalan yang ditujukan kepada Perdana Menteri termasuk: " Dua bulan lalu, Anwar ialah orang yang disebut-sebut untuk menggantikan anda dan mengapa sekarang keadaan berubah secara tiba-tiba."

Seorang tokoh perniagaan Jepun, Noboru Hatekeyama, pengerusi Pertubuhan Perdagangan Luar Jepun dan bekas timbalan menteri dalam Kementerian Perdagangan dan Industri Jepun, bertanya mengenai insiden beribu-ribu penyokong Anwar mengadakan demonstrasi seperti ditontonnya melalui CNN".

" Saya ingin mempelawa wartawan Jepun datang ke Malaysia dan menyaksikan sendiri keadaan. Jangan percaya laporan CNN atau CNBC. Mereka mempunyai agenda lain dan mereka menyebarkan pembohongan untuk mempromosikan agenda mereka," kata Dr Mahathir.

Dakwaan Anwar bahawa beliau dikasari oleh polis selepas tersiar gambarnya dengan matanya lebam sebelah juga mendorong media Jepun mengemukakan beberapa soalan tetapi Dr Mahathir memberi jaminan bahawa kes itu akan disiasat dengan terperinci tanpa melindungi mana-mana pihak.

" Seperti anda, kami juga marah berhubung dengan insiden ini. Kami akan mengambil tindakan terhadap mereka yang bertanggungjawab," kata Dr Mahathir.

Beberapa kali semasa lawatan itu, Dr Mahathir berkata langkah-langkah kawalan oleh Malaysia mungkin dianggap sebagai "menyeleweng atau pariah" oleh pihak lain terutama kerajaan-kerajaan Barat dan peniaga mata wang yang bersikap tamak.

" Kami rela menjadi tidak popular daripada dikuasai oleh orang-orang seperti ini," kata beliau.

Tetapi naib Menteri Kewangan Jepun Eisuke Sakakibara memberitahu Dr Mahathir pada satu forum bahawa dasar pertukarannya tidak bersifat heretik tetapi berani dan mendapat sokongan Jepun.

Menurut Sakakibara, atau lebih dikenali sebagai Mr Yen kerana

pengaruhnya ke atas pasaran matawang, tokoh pembiayaan Amerika George Soros akan menerbitkan sebuah buku bulan depan, "Crisis of Global Capitalism" dan bersetuju dengan pandangan Perdana Menteri mengenai kesan buruk daripada kegiatan spekulasi mata wang.

Agenda yang tidak kurang penting dalam lawatan ialah usaha Malaysia untuk memperolehi pinjaman baru dari kerajaan Jepun untuk membantu menangani penguncupan kredit di negara sekarang.

Dr Mahathir berkata perkara itu dibangkitkan dalam rundingannya dengan Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi dan beliau yakin bahawa dana itu, dilaporkan bernilai AS\$2 bilion, akan ditawarkan tidak lama lagi.

Mr Yen sendiri berkata pakej AS\$30 bilion bagi Asia yang diumumkan baru-baru ini oleh Menteri Kewangan Kiichi Miyazawa akan diagihkan secepat mungkin untuk membantu negara-negara Asia yang dilanda kegawatan ekonomi.

Menteri Kewangan Kedua Malaysia Datuk Mustapa Mohamed memberitahu para editor di sini pada Khamis bahawa Jepun menawarkan harapan terbaik bagi Malaysia buat masa ini untuk mendapat pinjaman asing.

Beliau berkata Malaysia boleh menaruh harapan bagi memperolehi pinjaman asing yang baru di pasaran antarabangsa seawal-awalnya pada pertengahan bulan depan.

Hasil lawatan Dr Mahathir ke negara "Matahati Terbit" itu dijangka melenyapkan beberapa kebimbangan di kalangan masyarakat jepun mengenai kedudukan pelaburan dan pengaliran pelaburan pada masa depan di Malaysia.

-- BERNAMA

AU FAZ